

Bib = 185780



الجامعة الإسلامية العالمية ماليزيا
INTERNATIONAL ISLAMIC UNIVERSITY MALAYSIA
بِوَسِيْلَةِ سُنَّتِيْ اِسْلَامِيَّةٍ اَنْبَارًا يَجْنِبُنَا مُلْدَمِيْنَا

RUKHŞAH MENYAPU BUT
ANGKATAN TENTERA MALAYSIA (ATM)

RUSLI BIN KADIR

DR. ZAID BIN MOHAMAD

KERTAS PROJEK INI DIKEMUKAKAN UNTUK MEMENUHI
SEBAHAGIAN DARIPADA SYARAT MEMPEROLEHI DIPLOMA
UNDANG-UNDANG DAN PENTADBIRAN KEHAKIMAN ISLAM

KULLIYYAH UNDANG-UNDANG
UNIVERSITI ISLAM ANTARABANGSA MALAYSIA

SEPTEMBER 1998

10965

7/4/2000

185780

INTERNATIONAL ISLAMIC UNIVERSITY LIBRARY	
Copy no:	614208
Date:	29/3/99 (G) at

t
 EP
 188
 S6
 R1

ABSTRAK

Kajian mengenai *rukhsah* menyapu but Angkatan Tentera Malaysia (ATM) adalah bertitik tolak daripada peranan dan tugas ATM itu sendiri, yang mana anggota-anggotanya yang sentiasa bersedia sedia (*on call duty*) di dalam apa jua keadaan, sama ada semasa aman, darurat atau peperangan.

Kajian ini mengandungi tiga bab, selain daripada pendahuluan dan penutup. Di dalam pendahuluan diterangkan tentang keperluan yang semestinya dimiliki oleh sesebuah angkatan tentera, yang merangkumi aspek material, fizikal, mental dan spritual. Di dalam bab pertama penumpuan diberikan kepada konsep asas dan dasar *mash' al-khuffain*. Ia menyumbang kepada kefahaman tentang perkara-perkara prinsip mengenai hukum menyapu but.

Bab kedua pula ialah pembentangan beberapa pandangan dan pendapat daripada ulamak-ulamak fikah berkaitan dengan hukum menyapu but. Pendapat-pendapat tersebut dianalisa untuk mencari satu hukum yang lebih praktikal dengan kehidupan anggota tentera Malaysia.


Di dalam bab terakhir pula, perbincangan tertumpu kepada but-but yang dipakai oleh anggota ATM yang mempunyai ciri-ciri kelayakan sebagai *khuff*, berdasarkan kepada spesifikasi-spesifikasinya dan fakta-fakta serta maklumat-

maklumat yang terkini di dalam mengenalpasti apakah proses pembuat kulit di kilang itu sendiri memenuhi kehendak hukum Syarak.

PENGAKUAN

Saya mengakui bahawa karya ini adalah hasil daripada saya sendiri,
kecuali nukilan-nukilan dan ringkasan-ringkasan yang pada tiap-
tiap satunya telah dinyatakan sumber pengambilannya.

Tarikh: 1hb. September, 1998



.....
RUSLI BIN KADIR

PENGHARGAAN

Bismillāh al-Rahmān al-Rahīm. Al-Ḥamdu lillāh Rabbi al-ʿĀlamīn. Wa al-Ṣalātu wa al-Salāmu ʿalā Rasūlillah wa ʿalā Ālihī wa Ṣahbihī ajmaʿīn.

Ucapan penghargaan setinggi tahniah dan terima kasih kepada *pervisor* saya Dr. Zaid bin Mohamad di atas segala bimbingan dan tunjuk ajar yang sentiasa diberikannya tanpa jemu-jemu dari awal pertemuan sehingga selesainya kajian ini dibuat.

Ucapan penghargaan dan terima kasih juga kepada Dr. Daud bin Abu Bakar yang telah memberikan garis panduan di dalam menyediakan projek kajian ini. Begitu juga kepada semua pensyarah dan kakitangan Kulliyah Undang-Undang, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, yang telah memberi layanan dan kerjasama yang baik di sepanjang pengajian saya selama satu tahun di sana.

Seterusnya ucapan ribuan terima kasih juga kepada kakitangan Jabatanarah KAGAT khususnya kepada Yang Berbahgia Pengarah, Pegawai Staf Satu Perkhidmatan dan juga kakitangan Sel Penyelidikan yang telah memberikan kerjasama di sepanjang saya membuat kajian ini. Tidak ketinggalan juga penghargaan yang tidak terhingga kepada isteri yang dikasihi (Kak Lang Ani) yang sentiasa memahami dan tidak jemu-jemu memberikan layanan dan juga

kepada anak-anak yang disayangi, terutama Ahmad Ruzaini dan Anis Nabilah.

Kepada mereka semua saya tujukan kajian ini.

Wassalam.

RUSLI BIN KADIR
Jabatanarah Kor Agama Angkatan Tentera
Tingkat 10, Wisma Pertahanan
Jalan Padang Tembak
50634 KUALA LUMPUR

ISI KANDUNGAN

ABSTRAK	i
PENGAKUAN	iii
PENGHARGAAN	iv
KANDUNGAN	vi
PENDAHULUAN	viii
KAEDAH TRANSLITERASI	xi
SINGKAT KATA	xii
BAB I - KONSEP RUKHŞAH MASH' AL-KHUFFAIN	1
1. Pendahuluan	1
2. Pengertian <i>Mash' al-Khuffain</i>	3
3. Dalil-Dalil Menyapu <i>Khuff</i>	4
4. Aspek-Aspek Menyapu <i>Khuff</i>	9
5. Kesimpulan	13
BAB II – PERSELISIHAN PENDAPAT PARA ULAMAK	14
1. Pendahuluan	14
2. Mazhab Hanafi	14
3. Mazhab Maliki	16

4.	Mazhab Shafi'i	17
5.	Mazhab Hanbali	23
6.	Pendapat Ibn Hāzm	24
7.	Fatwa Imam Ibn Taimiyyah	25
8.	Kesimpulan	29
 BAB III - MENYAPU BUT ANGGOTA TENTERA		35
1.	Pendahuluan	35
2.	Jenis-Jenis But	36
3.	Syarat-Syarat Pembuatan	40
4.	Keharusan Menggunakan <i>Rukhsah</i> Menyapu But Dalam Latihan Medan	48
5.	Kesimpulan	50
 PENUTUP		51
 LAMPIRAN		
No.1	Spesifikasi But Kombat	54
No.2	Spesifikasi But Kawat	56
No.3	Spesifikasi <i>Wellington Boot</i>	58
No.4	Gambar Tong <i>Drum</i>	60
No.5	<i>Introduction To Leather Making</i>	61
 BIBLIOGRAFI		89

PENDAHULUAN

Perkhidmatan ketenteraan adalah satu profesion yang asasi bagi sesebuah negara sebagai satu perkhidmatan yang memiliki kelengkapan yang paling sempurna jika dibandingkan dengan lain-lain perkhidmatan, bukan sahaja mempunyai kelengkapan material dari aspek logistik dan persenjataan yang canggih tetapi juga mempunyai kesiap-siagaan mental dan rohani yang mampu memberi persaingan di peringkat antarabangsa.

Kedudukan yang sedemikian telah terbukti melalui sejarah awal Islam dan ia adalah menggambarkan peranan dan tanggungjawab untuk menyediakan perkhidmatan yang benar-benar mampu menghadapi apa jua keadaan dan kemungkinan yang sedang dan yang akan berlaku. Kesiap-siagaan ini sentiasa berada di tahap yang maksimum sama ada semasa aman, darurat ataupun perang. Kenyataan ini bertepatan dengan perintah Allah S.W.T. yang bermaksud:

“Dan bersiap-siagalah untuk menghadapi mereka dengan kekuatan apa sahaja yang kamu termampu dan dari kuda-kuda yang tertambat untuk berperang (yang dengan persiapan itu) menggerunkan musuh-musuh Allah S.W.T., musuh-musuh kamu dan orang-orang selain dari mereka yang kamu tidak mengetahui tetapi Allah S.W.T. mengetahuinya. Apa sahaja yang kamu sumbangkan untuk jalan Allah S.W.T. nescaya akan dibalas dengan setimpal kepada kamu dan

kamu tidak akan dianiaya.”¹

Aspek mental dan kerohanian adalah perkara utama di dalam pembentukan keperibadian seseorang. Kehebatan dan kecemerlangan sesuatu pasukan bukanlah secara lansung bergantung kepada jumlah anggota dan peralatan canggih tetapi keperibadian seseorang anggota pasukan memainkan peranan penting dan penentu bagi sesebuah pasukan itu. Keadaan yang sedemikian banyak terbukti melalui sejarah ketenteraan Islam di zaman Rasulullah S.A.W. dan para sahabat R.A. di mana keperibadian mereka berkonsepkan “kehambaan di waktu malam dan kepahlawanan di waktu siang”. Konsep ini adalah suatu konsep yang unggul dan ideal yang hanya ada pada Islam dan ini sememangnya digeruni musuh-musuhnya.

Aspek ibadat dan aktiviti pelaksanaannya adalah penyumbang utama di dalam proses pembentukan keperibadian yang sedemikian rupa. Ketekunan beribadat, ketaatan dan kesetiaan seseorang anggota tentera itu adalah dianggap sebagai persiapan kerohanian di dalam menghadapi sebarang keadaan dan kemungkinan. Apa yang penting ialah konsep dan prinsip ajaran Islam yang anjal iaitu mudah dan tidak membebankan, sentiasa dihayati oleh umatnya dari masa ke semasa. Kelonggaran (*rukhsah*) menyapu but² (*khuff*) adalah salah satu

¹ Al-Qur'an, al-Anfāl 7: 60.

² Tumpuan perbincangan adalah khusus kepada but sahaja; tidak termasuk kasut, kerana adanya perbezaan antara dua jenis pakaian ini. But ialah pakaian kaki yang menutupi kedua buku lali, manakala kasut pula tidak menutup kedua buku lali. Lihat, *Kamus Dewan, Dwi Bahasa*, DBP, cet. 9, Kuala Lumpur, 1997, hal. 131. Lihat juga, Hawkins, Joyce M., *Kamus Dwi Bahasa Oxford Fajar*, Fajar Bakti Sdn. Bhd., cet. 2, Petaling Jaya ?, (t.t.), edisi Inggeris-Melayu hal. 44 dan 354, edisi Melayu-Inggeris hal. 29 dan 84.

rangsangan ke arah meningkatkan ciri-ciri iman dan taqwa, terutama di kalangan anggota pasukan seperti tentera yang menjadi benteng pertahanan dan kedaulatan sesebuah negara yang merdeka.

JADUAL KAEDAH TRANSLITERASI

a	untuk	ا	r	untuk	ر	f	untuk	ف
b	untuk	ب	z	untuk	ز	q	untuk	ق
t	untuk	ت	s	untuk	س	k	untuk	ك
th	untuk	ث	sh	untuk	ش	l	untuk	ل
j	untuk	ج	ṣ	untuk	ص	m	untuk	م
ḥ	untuk	ح	ḍ	untuk	ض	n	untuk	ن
kh	untuk	خ	ṭ	untuk	ط	w	untuk	و
d	untuk	د	ẓ	untuk	ظ	h	untuk	ه
dh	untuk	ذ	ʿ	untuk	ع	y	untuk	ي
			gh	untuk	غ			

VOKAL PANJANG

ā	untuk	ا
ī	untuk	ي
ū	untuk	و

VOKAL PENDEK

a
i
u

DIPHTHONGS

au	untuk	و
ai	untuk	ي

DOUBLED

uwwa	untuk	و
iyya	untuk	ي

Pengecualian - Perkataan "Allah" jika bersambung dengan perkataan lain di depannya, kedua-dua perkataan itu disambungkan seperti "lillahi", "Rasulullah" dan sebagainya.

SINGKAT KATA

cet.	: cetakan.
En.	: encik.
hal.	: halaman.
R.A.	: Radīyallāhu ʿAnh/ʿAnhā/ʿAnhum.
S. W.T.	: Subhānahū wa Taʿālā
S.A.W.	: Ṣallallāhu ʿAlaihi wa Sallam.
terj.	: terjemahan.

BAB PERTAMA

KONSEP RUKHŞAH MASH AL-KHUFFAIN

BAB PERTAMA

KONSEP RUKHSAH MASH AL-KHUFFAIN

PENDAHULUAN

Terdapat kes-kes di mana hukum *‘azimah* (asal) di dalam keadaan darurat ditinggalkan dan digantikan dengan hukum kelonggaran (*rukhsah*)¹ yang tertentu yang telah ditetapkan oleh syarak, untuk menggantikan atau mengatasinya. Misalnya diharuskan memakan benda haram seperti bangkai, babi dan sebagainya apabila berada di dalam keadaan kebuluran (darurat), diharuskan sembahyang *shiddah al-khauf* dalam medan pertempuran, diharuskan sembahyang *qasar* dan *jama‘* ketika musafir, begitu juga keadaannya dengan menyapu but (*mash al-khuffain*), diharuskan dengan syarat-syarat yang tertentu.

Kalau dibuat penelitian terhadap kaedah-kaedah darurat di dalam undang-undang Islam iaitu dalam keadaan di mana pemakaian hukum *‘azimah*

¹ *Rukhsah* ertinya dari segi bahasa ialah mudah dan senang. Dari segi syarak pula ialah hukum-hukum yang disyariatkan oleh Allah, disebabkan oleh keuzuran yang dihadapi oleh seseorang *mukallaf*, di mana sekiranya tidak ada keuzuran itu maka dikekalkan hukum yang asalnya. Lihat, ‘Abd al-Karim Zaidan, *al-Wajiz fi Uṣūl al-Fiqh*, Muassasah al-Risalah, cet. 3, Beirut, 1990, hal. 52.

menghadapi kebuntuan dan tidak dapat diamalkan disebabkan oleh adanya keadaan darurat tersebut, maka ketika itu hukum *rukhsah* mengambil tempat untuk dilaksanakan.

Rukhsah yang diberikan oleh syarak kepada umat Islam, untuk tidak menggunakan hukum *‘azimah* dalam masa darurat adalah untuk *maṣlahah* dan kepentingan mereka sendiri dan juga untuk kepentingan umum. Apa yang menarik perhatian di sini ialah bahawa menyapu *khuff* banyak terdapat di dalam kitab-kitab fikah yang lebih berbentuk teori dan ilmiah semata-mata, malahan ada yang beranggapan ia adalah suatu yang tidak wujud dan tidak sesuai lagi sekarang ini. Keadaan ini timbul bukan sekadar ia tidak diamalkan tetapi lebih dari itu iaitu bahan-bahan pengetahuan mengenainya hanya tinggal dalam bentuk klasik. Oleh itu, ia perlu diolah dalam bentuk moden yang sesuai dengan situasi semasa, yang ringkas, mudah difahami dan lebih praktikal supaya ia dapat dianggap sebagai satu kelengkapan dan kemudahan untuk melaksanakan ibadah. Walaupun ia dikategorikan sebagai *rukhsah* yang lebih utama ditinggalkan bagi mereka yang tidak merasa keberatan atau kemudaratan.²

Menyapu *khuff* ini diharuskan sebagai gantian kepada membasuh kedua belah kaki dalam berwuduk. Ia bukan bertujuan untuk menghilangkan najis atau

² Hassan bin Haji Salleh, Haji, *al-Qawā'id al-Fiqhiyyah, (Prinsip-Prinsip Fekah Islam)*, Pustaka Aman Press, Kelantan, cet. 1, 1975, hal. 76.

untuk mandi dan tidak diharuskan juga menyapu sebelah *khuff* dan sebelah lagi membasuh kaki. Kerana keharusan *rukhsah* ini adalah berdasarkan kaedah "bahawa apabila syarak memberikan pilihan kepada seseorang mukallaf antara dua perkara, maka dia tidak dibenarkan untuk berpindah untuk melakukan perkara yang ketiga (perkara lain). Yang dimaksudkan dengan dua pilihan itu ialah sama ada membasuh kedua belah kaki atau menyapu kedua belah *khuff*".³

PENGETIAN MASH AL-KHUFFAIN

Mash al-Khuffain ialah perbuatan menyapu air ke atas sepasang but (*khuff*) di mana ia merupakan satu perbuatan tukar ganti bagi membasuh anggota wuduk pada bahagian kaki.

Definisi *mash al-khuffain* dari segi bahasa ialah melakukan tangan di atas sesuatu. Dari segi syarak pula ialah mengenakan tangan yang telah dilembapkan dengan air pada tempat yang tertentu di atas *khuff* pada masa yang tertentu.⁴

Yang dikatakan *khuff* itu ialah pakaian yang diperbuat daripada kulit atau seumpamanya, bagi kedua-dua belah kaki, yang menutupi kedua-dua buku

³ 'Abd al-Ḥamīd Ḥakīm, *al-Mu' in al-Mubān*, (terj.), Persama Press, Penang, cet. 1, 1957, jil. 1, hal. 32.

⁴ al-Zuhailī, Wahbah, *al-Fiqh al-Islāmī wa Adillatuh*, Dār al-Fikr, Damshiq, cet. 3, 1989, jil. 1, hal. 317.

lali atau lebih hingga hujung jari. Manakala tempat yang tertentu ialah kawasan yang hendak disapu iaitu bahagian luaran *khuff* tersebut. Yang dimaksudkan dengan masa yang tertentu itu pula ialah tempoh masa yang boleh digunapakai tanpa ditanggalkan *khuff* yang dipakai iaitu dua puluh empat jam (sehari semalam) bagi mereka yang bermukim⁵ dan tujuh puluh dua jam (tiga hari tiga malam) bagi mereka yang musafir.⁶

DALIL-DALIL MENYAPU KHUFF

Pembuktian menyapu *khuff* ini sebagai satu ibadat yang diamalkan oleh Rasulullah S.A.W. boleh didapati daripada hadis-hadis perbuatan (*fi'el*) dan hadis perkataan (*qaul*). Supaya senang difahami, penjelasan mengenai dalil-dalil ini dibuat mengikut perkara-perkara di bawah.

Tempat Menyapu *Khuff*

Dalam satu hadis mengenai kes Jarīr bin ‘Abdullah R.A. yang kencing kemudian mengambil wuduk dengan menyapu *khuff*nya dan terus mendirikan

⁵ Bermukim ialah orang yang tidak musafir, iaitu mereka yang tidak melakukan perjalanan jauh yang diharuskan yang melebihi dua *marhalah* iaitu 56 batu. Lihat, Dasuki bin Haji Ahmad, Haji, *Kamus Pengetahuan Islam*, Yayasan Dakwah Islam Malaysia, Kuala Lumpur, cet. 3, 1988, hal. 203. 56 batu x 1.609 kilometer = 90.104 kilometer. Lihat, West, Michael, *An International Reader's Dictionary*, Longman Group Limited, London, cet. 1970, hal. 237.

⁶ Lihat, al-Zuhaili, *op.cit.*

sembahyang, apabila beliau ditanya tentang perbuatannya itu dia menjawab:

"Saya melihat Nabi S.A.W. berbuat demikian."⁷

Al-Mughīrah bin Shu‘bah R.A. menyatakan daripada Nabi S.A.W. bahawa semasa baginda keluar untuk menunaikan hajat, al-Mughīrah mengikut baginda dengan membawa sebekas air. Setelah baginda selesai menunaikan hajat, ia menuangkan air untuk baginda berwuduk dan menyapu *khuffnya*.⁸

Diriwayatkan daripada Shahr bin Ḥaushab R.A., katanya: "Saya melihat Jarīr bin ‘Abdullah berwuduk dan menyapu *khuffnya* lalu saya bertanyakan perkara itu. Beliau berkata: Saya melihat Nabi S.A.W. berwuduk dan menyapu *khuffnya*. Kemudian saya bertanya lagi: Adakah ia berlaku sebelum atau selepas turunnya *surah al-Māidah*. Beliau menjawab: Saya menganut Islam selepas *surah al-Māidah* diturunkan."⁹

Al-Mughīrah bin Shu‘bah R.A. berkata: "Saya pernah dalam perjalanan bersama-sama Nabi S.A.W. pada suatu malam. Baginda bersabda kepada saya: Adakah kamu membawa air? Saya menjawab: Ya. Lalu baginda turun dari tunggangannya dan berjalan sehingga baginda hilang di dalam kegelapan malam,

⁷ Muḥammad Fuad ‘Abd al-Bāqī, *al-Lu‘lu’ wa al-Marjān*, (terj.), Bina ‘Ilmu, Surabaya, 1979, hal. 99.

⁸ *Muslim, Saḥīḥ Muslim, Kitāb al-Ṭahārah, Bāb al-Mash‘alā al-Khuffain*, al-Ma‘ārif, Bandung, (t.t.), jil. 1, hal. 129.

⁹ *Ibid.*, hal. 128. al-Kaḥlānī, al-Sayyid al-Imām Muḥammad bin Ismā‘īl, *Subul al-Salām*, Dahlān, Bandung, (t.t.), jil. 1, hal. 58.

kemudian baginda datang lalu saya menuangkan air dari dalam bekas untuknya dan baginda terus membasuh muka. Pada masa itu baginda memakai jubah bulu sehingga tidak dapat mengeluarkan tangan. Oleh kerana itu baginda mengeluarkan tangannya dari bahagian bawah jubahnya untuk membasuh kedua tangan dan menyapu kepala. Kemudian saya bergegas untuk menanggalkan *khuffnya* tetapi baginda bersabda: "Biarkanlah kerana aku telah memakai kedua-duanya dalam keadaan bersuci." Kemudian baginda pun menyapu kedua-dua *khuffnya*.¹⁰

Saidina Ali R.A. berkata: "Kalaulah agama itu berdasarkan fikiran, sudah tentu bahagian tapak *khuff* yang lebih utama disapu daripada bahagian atasnya. Sesungguhnya aku telah melihat Rasulullah S.A.W. menyapu bahagian atas *khuffnya*."¹¹

Jangkamasa Harus Menyapu *Khuff*

Ṣafwān bin 'Assāl R.A. berkata: "Nabi S.A.W. menyuruh kita apabila di dalam pengembaraan, supaya jangan membuka *khuff* selama tiga hari tiga malam, walaupun kerana buang air besar, air kecil atau tertidur, kecuali hadas junub."¹²

¹⁰ Muslim, *op.cit.*

¹¹ al-Kahlānī, *op.cit.*

¹² *Ibid.*, hal. 59.

Jangkamasa Menyapu Bagi Musafir dan Bermukim

Shuraih bin Hāni' R.A. berkata: "Saya pernah bertanya kepada Saidatina Aishah R.A. tentang menyapu *khuff*. Beliau menjawab: Pergi berjumpa dengan Ali ! Sebab dia lebih mengetahui perkara ini daripada saya. Kemudian saya pergi menemui Ali R.A. bertanyakan mengenai perkara itu. Saidina Ali R.A. menjawab: Rasulullah S.A.W. mahu kelonggaran untuk kita, yang bermukim menyapu *khuff* selama sehari semalam dan bagi yang musafir pula tiga hari tiga malam."¹³

Thaubān R.A. berkata: "Rasulullah S.A.W. menghantar satu pasukan tentera dan baginda mengarahkan kepada mereka supaya menyapu serban (*ʿaṣāib*) dan sarung kaki (*tasākhīn*)."¹⁴

Abū Bukrah R.A. berkata bahawa Rasulullah S.A.W mengizinkan *rukhsah* menyapu *khuff* dengan syarat *khuff* itu dipakai tidak lebih dari tiga hari tiga malam bagi orang musafir dan satu hari satu malam bagi orang yang bermukim."¹⁵

¹³ Muslim, *op.cit.*, hal. 131. al-Shaʿrānī, ʿAbd al-Wahāb, *Kashf al-Ghummah ʿan Jamīʿ al-Ummah*, Dār al-Fikr, Damshiq ?, (t.t.), jil. 1, hal. 69.

¹⁴ al-Kaḥlānī, *op.cit.*, hal. 60.

¹⁵ *Ibid.*, hal. 61.

Ubai bin 'Imārah R.A. bertanya Rasulullah S.A.W.: "Ya Rasulullah S.A.W., bolehkah saya menyapu kedua-dua *khuff*? Sabdanya: Boleh. Ia bertanya lagi: Satu hari? Sabdanya: Boleh. Ia bertanya lagi: Dua hari? Sabdanya: Boleh. Ia bertanya lagi: Tiga hari? Sabdanya: Boleh dan seberapa lama yang engkau mahu."¹⁶ Dalam satu riwayat yang lain dinyatakan sehingga tujuh hari. Tegas Ibn Omar R.A. hadis ini tidak menyatakan had masa menyapu *khuff*.¹⁷

ASPEK-ASPEK MENYAPU KHUFF

Rukhsah menyapu *khuff* dipersetujui oleh mazhab-mazhab yang empat untuk kemudahan umat Islam lelaki dan perempuan, yang bermukim dan juga yang musafir. *Rukhsah* juga diharuskan atas sebab iklim yang sejuk atau panas. Begitu juga ia diharuskan bagi orang yang bertugas sepanjang masa (*on call duty*) seperti tentera, polis dan juga pelajar-pelajar yang sentiasa menumpukan kepada pelajarannya.¹⁸ Dari kenyataan ini membuktikan bahawa *rukhsah* menyapu *khuff* adalah satu kemudahan yang disediakan bukan sahaja bagi mereka yang berada di dalam keadaan darurat tetapi juga bagi mereka yang menjalankan tugas-tugas secara berterusan dan memerlukan penumpuan perhatian sepanjang masa.

¹⁶ *Ibid.*

¹⁷ al-Sha' rānī, *op.cit.*

¹⁸ al-Zuhailī, *op.cit.*